

TERMA DAN SYARAT PELAN PEMBAYARAN EASI UOB

Terma dan syarat dalam dokumen ini akan diguna pakai untuk Pelan Pembayaran Easi ("Program") United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (271809-K) ("UOBM"), dan harus dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOBM ("Perjanjian Ahli Kad").

Jika terdapat ketidaksejajaran di antara dokumen ini dan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat dalam dokumen ini akan digunakan untuk semua perkara berhubung dengan Program. Kecuali ditafsirkan secara berlainan dalam dokumen ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam dokumen ini akan mempunyai makna yang sama dengan Perjanjian Ahli Kad.

1. Program ini terbuka kepada semua akaun utama baru atau sedia ada dan / atau pemegang tambahan UOBM Kad Kredit ("Ahli Kad") untuk membolehkan transaksi runcit bagi pembelian barangan dan / atau perkhidmatan dengan menggunakan Kad Kredit untuk ditukar menjadi ansuran bulanan tetap , tertakluk kepada terma dan syarat dalam dokumen ini.
2. Apabila seorang Ahli Kad memohon untuk Program ini, beliau akan dianggap telah menerima terma dan syarat dalam dokumen ini.
3. UOBM boleh, pada budi bicara mutlakny, meluluskan atau menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab untuk keputusan tersebut, dan menentukan amaun yang dibenarkan di bawah Program, yang akan tertakluk, antara lain, kepada -
 - i) status Akaun Kad Kredit Ahli Kad; dan
 - ii) Had Kredit sedia ada.
4. Ahli Kad boleh memohon untuk Program dengan SMS, menghubungi Pusat Panggilan UOB, menyerahkan borang permohonan yang ditetapkan oleh UOBM atau melalui apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM pada bila-bila masa dalam tempoh **60** hari (enam puluh) dari tarikh pembelian ("Transaksi Tarikh").
5. Ahli Kad boleh memilih Program 6 bulan, 12 bulan, 18 bulan, 24 bulan atau 36 bulan. Jumlah amaun pembelian minimum yang layak untuk menyertai Program ini ialah sekurang-kurangnya RM500 untuk tempoh 6 bulan, 12 bulan dan 18 bulan dan sekurang-kurangnya RM2,000 untuk tempoh 24 bulan dan 36 bulan. Amaun pembelian minimum boleh ditukar oleh UOBM pada bila-bila masa dan pada budi bicara mutlakny dengan notis terlebih dahulu.
6. Untuk mengelakkan keraguan, jumlah amaun pembelian minimum boleh dalam jumlah satu transaksi atau jumlah pelbagai transaksi, dengan syarat bahawa permohonan untuk Program mengikut Klausa 4 di atas dibuat dalam tempoh 60 hari (enam puluh) dari Tarikh transaksi bagi setiap transaksi.
7. Pada kelulusan permohonan, Ahli Kad akan tertakluk kepada satu faedah pendahuluan berdasarkan pada amaun pembelian yang ditukar dan tempoh yang dipilih ("Faedah Pendahuluan"). Faedah Pendahuluan mungkin juga dirujuk kepada kadar sedemikian yang digunakan untuk Program di mana UOBM mungkin tentukan atau terbitkan dari masa ke semasa.

Faedah Pendahuluan	Tempoh
2.99%	6 bulan
3.99%	12 bulan
4.99%	18 bulan
5.99%	24 bulan
6.99%	36 bulan

8. Tiada faedah lanjutan akan dicajkan jika amaun ansuran bulanan dibayar dengan penuh sebelum tarikh perlu dibayar yang dinyatakan dalam penyata. Jika tidak, fi dan caj yang diguna pakai berdasarkan pada Klausa 11 Perjanjian Ahli Kad akan dicajkan pada amaun tertunggak.
9. Pada kelulusan permohonan, amaun bersamaan dengan Had Kredit Ahli Kad akan disimpan untuk tujuan ini, dan baki Had Kredit sedia ada akan dikurangkan sewajarnya. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang disebabkan oleh akibat Had Kredit yang tidak mencukupi.

10. Semasa tempoh pembayaran balik, amaun akan dibayar balik dengan cara ansuran serata ("Bayaran Ansuran"). Bayaran Ansuran akan didebitkan dengan serta-merta kepada Akaun Kad Kredit berikutan kelulusan permohonan Program, dan akan dinyatakan dalam Penyata bulanan yang berikut, dan perlu dibayar selaras dengan Perjanjian Ahli Kad. Apabila setiap Bayaran Ansuran dibayar balik, amaun bersamaan dengan bayaran yang dilakukan akan dikembalikan kepada Had Kredit Ahli Kad.
11. Satu transaksi disediakan untuk Program jika pembelian telah didebitkan ke Akaun Kad Kredit, dan pembelian telah direkodkan dalam Penyata semasa yang merupakan sebahagian daripada baki tertunggak semasa yang perlu dibayar dan tidak melepasi Tarikh Matang Pembayaran pada masa permohonan.
12. Program tidak boleh digunakan untuk pendahuluan tunai, pemindahan baki, jumlah transaksi runcit kurang daripada amaun minimum yang ditentukan, sebarang skim pembayaran ansuran sedia ada UOBM atau institusi kewangan lain, penyelesaian fi tahunan, baki tertunggak atau caj lain yang mungkin dikenakan oleh UOBM di bawah Perjanjian Ahli Kad.
13. Bayaran Ansuran dikira sebagai jumlah amaun ditukar dibahagikan dengan jumlah bulan tempoh Program. Jika berlaku keingkaran, keseluruhan amaun mesti dibayar dengan serta-merta selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.
14. Bayaran Ansuran adalah termasuk dalam pengiraan Jumlah Minimum yang Perlu Dibayar oleh Ahli Kad. Jika Bayaran Ansuran tidak dibayar sepenuhnya apabila perlu dibayar, baki Bayaran Ansuran tidak dibayar akan dikenakan faedah selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.
15. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaannya dalam Program tertakluk kepada penerimaan notis secara bertulis atau lisan dan fi pembatalan RM50 (atau kadar lain sedemikian seperti mana yang ditentukan oleh UOBM pada budi bicara mutlaknya) oleh UOBM. Amaun sedemikian akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit Ahli Kad.
16. Ahli Kad boleh memohon untuk Program ini lebih daripada sekali, tertakluk kepada kelayakan Ahli Kad di bawah terma dan syarat dalam dokumen ini dan pada budi bicara mutlak UOBM.
17. Jika mana-mana atau kombinasi yang berikut berlaku, jumlah tertunggak di bawah Program adalah perlu dan patut dibayar dengan serta-merta, akan menanggung pembiayaan dan caj pembayaran lewat yang diguna pakai seperti Klausula 11 Perjanjian Ahli Kad, dan akan perlu dibayar selaras dengan Perjanjian Ahli Kad:
 - i) Terdapat pelanggaran mana-mana terma dan syarat dalam dokumen ini.
 - ii) Satu peristiwa keingkaran berlaku menurut Perjanjian Ahli Kad.
 - iii) Terdapat kelewatan atau kegagalan untuk membayar Bayaran Ansuran atau sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Program.
 - iv) Terdapat suatu kegagalan untuk membayar sebarang wang pada tarikh matang atau untuk melepaskan sebarang tanggungjawab atau liabiliti pembayaran dari masa ke semasa kepada UOBM atau untuk sebarang kemudahan perbankan/kredit.
 - v) Program ini ditamatkan untuk apa-apa sebab sekalipun.
 - vi) Kad Kredit ditamatkan atau Akaun Kad Kredit ditutup untuk apa-apa sebab sekalipun.
 - vii) Telah menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi UOBM untuk menyediakan atau terus menyediakan Program.Peristiwa di atas juga akan memberi hak kepada UOBM untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad Kredit, dan untuk menggabungkan semua amaun tertunggak ke dalam Akaun Kad Kredit prinsipal.
18. Ahli Kad menanggung liabiliti bayaran untuk cukai atau levi pada tarikh kelulusan permohonan Ahli Kad untuk Program atau pada bila-bila tarikh selepas tarikh kelulusan permohonan Ahli Kad untuk Program, yang diwajibkan di sisi undang-undang yang dibayar kepada mana-mana perbadanan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa atas UOBM, berkenaan dengan yuran dan caj yang dicajkan atau dikenakan oleh UOBM berkenaan dengan Program yang diberikan kepada Ahli Kad.

19. Ahli Kad memberi kebenaran dan bersetuju bahawa cukai atau levi yang dikenakan oleh UOBM berkenaan Program yang diberi oleh UOBM kepada Ahli Kad, akan ditanggung oleh Ahli Kad dan dicajkan kepada Ahli Kad dan jika UOBM membuat bayaran bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada UOBM untuk amaun yang telah dibayar dan UOBM berhak mengkreditkan cukai, duti dan levi ke dalam Akaun Kad Kredit.
20. UOBM tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab untuk sebarang kekurangan, kemusnahan atau kerosakan barangan atau perkhidmatan atau untuk sebarang pertikaian di antara Ahli Kad dan pedagang.
21. UOBM berhak untuk menamatkan, menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagiannya mengikut budi bicara mutlaknyanya, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad melalui penyiaran di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan / atau penyata penyata dalam Penyata Akaun.
22. Sebarang pertukaran kepada Faedah Pendahuluan boleh dilaksanakan oleh UOBM pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi Ahli Kad notis pendahuluan 21 hari.
23. UOBM tidak akan dipertanggungjawabkan untuk dan menafikan semua liabiliti bagi sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin dialami, dihadapi atau ditanggung oleh seorang Ahli Kad melalui penyertaan beliau dalam Program.
24. Terma dan syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

TAMAT